JOBNAME: No Job Name PAGE: 1 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

Rosli bin Mohd Amin dan lain-lain lwn Pengarah Hospital Segamat dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — GUAMAN SIVIL NO 23–75 TAHUN 2003
UMI KALTHUM PK
21 JANUARY 2011

Ganti Rugi (Kecederaan Diri atau Kematian) — Ganti rugi khas — Kecederaan dialami akibat kecuaian dalam memberi rawatan perubatan — Sama ada kos pembantu rumah untuk mangsa sahaja atau keluarganya — Kos urinary catheters apabila mangsa mencapai usia 18 tahun — Kos fisioterapi dan pemulihan cara kerja di hospital kerajaan — Sama ada kos yang tidak diplidkan atau dibuktikan boleh dituntut

Ganti Rugi (Kecederaan Diri atau Kematian) — Ganti rugi am — Kecederaan dialami akibat kecuaian dalam memberi rawatan perubatan — Mangsa mengalami incomplete quadriplegia — Award bagi kesakitan dan penderitaan RM250,000

Prosedur Sivil — Ganti rugi — Ganti rugi teladan — Kecederaan dialami akibat kecuaian dalam memberi rawatan perubatan — Sama ada wujud elemen penyalahgunaan kuasa — Sama ada terdapat 'oppressive, arbitrary or unconstitutional acts by Government servants' — Tuntutan ditolak

Plaintif-plaintif telah menuntut terhadap defendan-defendan ganti rugi am, termasuk ganti rugi teruk dan teladan sebanyak RM10 juta dan ganti rugi khas ke atas kecederaan-kecederaan yang dialami oleh plaintif kedua dan plaintif ketiga akibat kecuaian defendan-defendan memberi rawatan perubatan terhadap plaintif kedua dan plaintif ketiga. Pihak-pihak telah bersetuju bahawa defendan-defendan adalah 100% bertanggungan terhadap kecederaan-kecederaan yang dialami oleh plaintif kedua dan plaintif ketiga. Maka yang perlu diputuskan adalah tentang isu kuantum. Pihak-pihak telah bersetuju untuk gaji pembantu rumah sebanyak RM500 sebulan bagi seorang pembantu rumah, tetapi berapa orang pembantu rumah yang diperlukan tidak dipersetujui. Mengikut keterangan SP1, keadaan plaintif ketiga bukan *cerebral palsy*, tetapi beliau mengalami *quadriplegia* dan oleh itu plaintif ketiga boleh hidup lebih lama. SP1 membuat kesimpulan bahawa jangka hayat plaintif ketiga adalah antara 22.4 tahun hingga 38.8 tahun ataupun hingga 50 tahun. Peguamcara plaintif-plaintif mencadangkan jangka hayat plaintif ketiga adalah 38.8 tahun. Peguam kanan persekutuan ('PKP') telah mencadangkan 25 tahun

JOBNAME: No Job Name PAGE: 2 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

sebagai jangka hayat plaintif ketiga. Bagi ganti rugi am untuk kesakitan dan penderitaan, peguam plaintif-plaintif telah mencadangkan award sebanyak RM350,000 bagi dua kecederaan yang serius yang dialami plaintif ketiga iaitu bagi 'brain and spinal injuries' yang mengakibatkan 'quadriplegia' dan 'intellectual impairment'. Memandangkan plaintif ketiga mengalami kecacatan 'low and incomplete quadriplegia', PKP berhujah award yang berpatutan ialah RM180,000. Peguamcara plaintif-plaintif telah berhujah bahawa ganti rugi teladan hendaklah diberikan kerana walaupun plaintif kedua telah meminta agar dia dibenarkan bersalin secara pembedahan memandangkan kandungannya yang besar, namun permintaannya ditolak oleh doktor di Hospital Segamat.

Diputuskan membenarkan sebahagian tuntutan plaintif-plaintif dengan kos:

(1) Seorang pembantu rumah sahaja dibenarkan dan memadai bagi menjaga plaintif ketiga dan bukan untuk menjaga seluruh keluarga plaintif-plaintif (lihat perenggan 4(a)).

(2) Adalah munasabah jangka hayat plaintif ketiga adalah setakat 28 tahun sahaja setelah mengambilkira latar belakang plaintif ketiga dan keterangan SP1 (lihat perenggan 7).

(3) Plaintif ketiga hanya memerlukan urinary catheters apabila beliau mencapai usia dewasa iaitu 18 tahun (lihat perenggan 8(f)).

(4) Mengikut SP1, plaintif ketiga mengalami *incomplete quadriplegia*. Plaintif ketiga boleh duduk tanpa sokongan, boleh berdiri walaupun dengan sokongan, boleh berjalan dengan bantuan dan boleh berkomunikasi dan memahami arahan. Maka, amaun yang munasabah diawardkan bagi kesakitan dan penderitaan ialah RM250,000 (lihat perenggan 11).

(5) Bagi kos pemulihan (masa hadapan), cadangan agar plaintif ketiga menjalani rawatan fisioterapi dan pemulihan carakerja (occupational therapy) di rumah dengan menyenaraikan senarai panjang peralatan yang kononnya patut disediakan di rumah plaintif ketiga adalah tidak praktikal, malah mungkin kurang berkesan. Sudah terbukti keberkesanan bagi plaintif ketiga meneruskan fisioterapi dan pemulihan carakerja di hospital-hospital kerajaan yang terdekat. Maka, memadai bagi plaintif ketiga terus menerima fisioterapi dan pemulihan carakerja di hospital-hospital kerajaan. Maka, tuntutan ini tidak dibenarkan kecuali kos-kos bagi plaintif menghadiri sesi fisioterapi dan sesi pemulihan carakerja (lihat perenggan 12 & 13).

(6) Plaintif ketiga tidak memerlukan ubat untuk epilepsy, ubat Botulinium toxin, ubat Gapapentin atau ubat sejenisnya dan buat masa ini ubat untuk *erectile dysfunction*. Juga tiada keperluan untuk pembedahan dan untuk *stem cell transplant* (lihat perenggan 15 & 17).

JOBNAME: No Job Name PAGE: 3 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

(7) Plaintif-plaintif perlu membuktikan bahawa wujudnya elemen penyalahgunaan kuasa oleh defendan-defendan sebelum ganti rugi teladan boleh diawardkan. Jika benar fakta plaintif kedua mengalami penyakit diabetes dan nasihat itu adalah benar-benar diberi, nasihat doktor itu tidaklah boleh terangkum dalam ertikata 'oppressive, arbitrary or unconstitutional acts by Government servants'. Lagipun plaintif kedua sebenarnya mempunyai pilihan sama ada untuk menerima nasihat itu atau tidak. Maka tuntutan untuk ganti rugi teladan dan ganti rugi teruk ditolak (lihat perenggan 18–20). *Rookes v Barnard* [1964] AC 1129 dirujuk.

(8) Bagi ganti rugi khas, setiap perkara yang dituntut perlulah diplid dan dinyatakan dengan terperinci dan dibuktikan. Bagi butiran-butiran tambang perjalanan dan kos jagaan, plaintif-plaintif telah gagal mengemukakan apa-apa bukti mengenainya dan oleh itu tuntutan tersebut ditolak. Kos lampin dan kos susu tidak seharusnya dituntut oleh plaintif-plaintif memandangkan kedua-dua butiran sudah tentu akan dibelanjakan oleh plaintif pertama dan plaintif kedua dengan kelahiran plaintif ketiga dalam keadaan sihat sekalipun. Maka, tolakan tiga tahun pertama usia plaintif ketiga dibenarkan daripada perkiraan jangka hayat plaintif ketiga untuk kos lampin (lihat perenggan 22–25). *Sam Wun Hoong v Kader Ibramshah* [1981] 1 MLJ 295 dirujuk.

[English summary

The plaintiffs claimed against the defendants for general damages, including aggravated and exemplary damages amounting to RM10m and special damages for the injuries sustained by the second and third plaintiffs as a result of the defendants' negligence in providing medical treatment to the second and third plaintiffs. The parties agreed that the defendants were 100% liable for the injuries suffered by the second and third plaintiffs. Therefore, only the issue of quantum that needed to be determined. The parties had agreed on the salary of the maid in the amount of RM500 per month for one maid, however how many maids that were required had not been agreed upon. According to SP1's evidence, the third plaintiff's situation was not of cerebral palsy, but he was suffering from quadriplegia and therefore the third plaintiff could live longer. SP1 came to a conclusion that the third plaintiff's life expectancy was between 22.4 to 38.8 years or until 50 years. The plaintiffs' counsel suggested that the third plaintiff's life expectancy was 38.8 years. The senior federal counsel ('SFC') suggested 25 years as the third plaintiff's life expectancy. For the general damages for pain and suffering, the plaintiffs' counsel suggested an award of RM350,000 for two serious injuries suffered by the third plaintiff ie for the brain and spinal injuries which caused the quadriplegia and intellectual impairment. As the third plaintiff suffered from the disability of low and incomplete quadriplegia, the SFC contended that the reasonable award was RM180,000. The plaintiffs' counsel argued that the exemplary damages ought

JOBNAME: No Job Name PAGE: 4 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

to be awarded as although the second defendant had requested that he be allowed to deliver via caesarean section as her baby was big, but her request had been rejected by the doctor in the Segamat Hospital.

Held, allowing the plaintiffs' application in part with costs:

(1) Only one house maid is allowed and sufficient to take care of the third plaintiff and not to take care of all of the plaintiffs' family members (see para 4(a)).

(2) The reasonable life expectancy of the third plaintiff's was only until 28 years after taking into account the third plaintiff's background and the testimony of SP (see para7).

(3) The third plaintiff would only require urinary catheters when he reached the age of adulthood ie 18 years (see para 8(f)).

(4) According to SP1, the third plaintiff suffered from incomplete quadriplegia. The third plaintiff could sit without any support, could stand although unsupported, could walk with assistance and could communicate and understand instructions. Hence, the reasonable amount to be awarded for pain and suffering was RM250,000 (see para 11).

(5) For the cost of recovery (future), the suggestion that the third plaintiff go through the physiotherapy treatment and occupational therapy at home by providing a long list of equipments which were said should be prepared in the third plaintiff's house was not practical, and could even be less effective. The effectiveness of the third plaintiff to carry on with the physiotherapy and occupational therapy at the nearest government hospital was proved. Therefore, it was sufficient for the third plaintiff to continue with the physiotherapy and the occupational therapy at the government hospital. Therefore this claim was not allowed except for the costs of the plaintiff attending the physiotherapy and the occupational therapy sessions (see paras 12 & 13).

(6) The third plaintiff did not require medication for epilepsy, Botulinium toxin medicines, Gagapentin medicines or the like medicines and for the time being the medication for erectile dysfunction. Also there was no need for surgery and stem cell transplant (see paras 15 & 17).

(7) The plaintiffs had to prove that there was element of abuse of authority by the defendants before the exemplary damages could be awarded. If the fact that the second plaintiff was suffering from diabetes was true and the advice was actually given, the doctor's advice did not fall within the meaning of 'oppressive, arbitrary or unconstitutional acts by Government servants'. Further the second plaintiff in fact had options as to whether to accept the advice or not. Thus the claim for exemplary

JOBNAME: No Job Name PAGE: 5 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

damages and aggravated damages was dismissed (see paras 18–20). *Rookes v Barnard* [1964] AC 1129 referred.

(8) For the special damages, every subject claimed must be pleaded and stated in detail and proved. For the details of cost of travelling and cost of care, the plaintiffs had failed to adduce any evidence on it and therefore the claim was dismissed. The costs for diapers and milk should not be claimed by the plaintiffs as the two items would still have to be spent by the first and second plaintiffs upon the birth of the third plaintiffs even if he was normal. Therefore the deduction of the first three years of the third plaintiff's age was allowed from the calculation of the life expectancy of the third plaintiff for the costs of diapers (see paras 22–25). *Sam Wun Hoong v Kader Ibramshah* [1981] 1 MLJ 295 referred.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai ganti rugi am secara am, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 547–550.

Untuk kes-kes mengenai ganti rugi khas secara am, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 1984–1999.

Untuk kes-kes mengenai ganti rugi teladan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 2495–2499.

Kes-kes yang dirujuk

Dr Yusoff b Hj Mansur v Changkat Jering Sdn Bhd & Anor [1997] 5 MLJ 530, MT (dirujuk)

Inderjeet Singh a/l Piara Singh v Mazlan bin Jasman & Ors [1995] 2 MLJ 646, MT (dibeza)

Rookes v Barnard [1964] AC 1129, HL (dirujuk)

Sam Wun Hoong v Kader Ibramshah [1981] 1 MLJ 295, MP (dirujuk)

Siti Rahmah Ibrahim v Marappan Nallan Koundar& Anor [1989] 2 CLJ 481 (Rep), MT (dibeza)

G Visvanathan Nair (Maniam Nair & Co) bagi pihak plaintif.

Azizi bin Nordin (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendan-defendan.

Umi Kalthum PK:

TUNTUTAN

[1] Plaintif-plaintif telah menuntut secara bersama-sama dan berasingan terhadap defendan-defendan ganti rugi am, termasuk ganti rugi teruk dan teladan sebanyak RM10 juta, ganti rugi khas, faedah dan kos ke atas kecederaan-kecederaan yang dialami oleh plaintif kedua dan plaintif ketiga akibat kecuaian defendan-defendan memberi rawatan perubatan terhadap plaintif kedua dan plaintif ketiga.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 6 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

[2] Pihak-pihak telah bersetuju bahawa defendan-defendan adalah 100% bertanggungan terhadap kecederaan-kecederaan yang dialami oleh plaintif kedua dan plaintif ketiga.

[3] Maka yang perlu diputuskan adalah tentang isu kuantum.

GANTI RUGI AM

Perkara-perkara yang dipersetujui

[4] Pihak-pihak telah bersetuju dengan perkara-perkara berikut:

(a) gaji pembantu rumah sebanyak RM500 sebulan bagi seorang pembantu rumah, tetapi berapa orang pembantu rumah yang diperlukan tidak dipersetujui. Saya memutuskan bahawa bagi perkara ini seorang pembantu rumah sahaja dibenarkan dan memadai bagi menjaga plaintif ketiga dan bukan untuk menjaga seluruh keluarga plaintif-plaintif;

(b) kerusi roda sebanyak RM3,500 seunit untuk diganti setiap empat tahun;

(c) *ankle foot orthosis* sebanyak RM600 setiap tahun;

(d) kerusi mandi sebanyak RM500;

(e) lampin pakai buang sebanyak RM9,200 setiap tahun;

(f) *urinary catheters* sebanyak RM3,000 setiap tahun;

(g) pengubahsuaian rumah sebanyak RM70,000.

Jangka hayat plaintif ketiga

[5] Sebelum perkiraan-perkiraan selanjutnya boleh dilakukan saya perlu memutuskan tentang jangka hayat plaintif ketiga. Bagi maksud ini perlu diketahui tentang keadaan perubatan plaintif ketiga. Mengikut keterangan SP1, keadaan plaintif ketiga bukan *cerebral palsy*, tetapi beliau mengalami *quadriplegia* dan oleh itu plaintif ketiga boleh hidup lebih lama. Berdasarkan laporan kajian negara asing (dari Amerika Syarikat) bertajuk *Survival of Children with Cerebral Palsy: Better Than Often Thought* di ms 54, IDP, SP1 membuat kesimpulan bahawa jangka hayat plaintif ketiga adalah antara 22.4 tahun hingga 38.8 tahun ataupun hingga 50 tahun. Peguamcara plaintif-plaintif mencadangkan jangka hayat plaintif ketiga adalah 38.8 tahun.

[6] Pihak defendan-defendan telah hanya dapat mengemukakan laporan doktor pakar iaitu Dr Hussain Imam Hj Muhammad Ismail di ikatan IDD2 bagi maksud memberi pendapatnya terhadap isu ini. Saya telah meneliti

JOBNAME: No Job Name PAGE: 7 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

laporan Dr Hussain tersebut. Berikut adalah petikan daripada laporannya yang bagi saya adalah penting bagi penetapan isu ini.

> Aliff had a marked right kyphoscoliosis that limited chest expansion. On auscultation, the air entry was reduced in both lower zones posteriorly, right more than left. There were no adventitious sounds heard.
>
> Aliff refused to cooperate with lung function tests so the amount of restrictive lung disease as a consequence of his kyphoscoliosis could not be quantified.
>
> ... As noted his kyphoscoliosis has already caused a malorientation of his abdominal organs.
>
> In summary, Aliff is a 10 years 9 months old boy who has suffered neurogenic weakness of both his upper limbs which appear to be of lower motor origin. There is a superimposed left sided weakness with features of Upper Motor origin, implying a superimposed left hemiparesis. There is a secondary kyphoscoliosis which is already causing in decrease in air entry. There are also some behavioural issues that may affect compliance to treatment.
>
> Comment: This is the first time I am seeing Aliff. However judging from the photographs in his medical report, he seems to have progressive deformity of his spine resulting in marked kyphoscoliosis. Although he has just been prescribed braces his parents have already expressed a reluctance to make him wear the braces except when he is asleep. Hence the braces are unlikely to be effective in preventing an arrest in progression of spinal deformity. This will result in progressive compromise of his respiratory function and will impact on his overall prognosis.
>
> In the absence of an objective assessment of his lung function it is not possible to quantify the extent of restrictive lung disease. This can be easily arranged but will require the cooperation of Aliff that was not forthcoming. His parents reluctance to be firm with him as regards rehabilitation will further compromise the effectiveness of any intervention program.
>
> Although in the absence of objective measurements of lung function it is impossible to give a definite figure of life expectancy, based on the extent of his deformity at such a young age and the other compounding factors he is unlikely to survive to 30 years.

Peguam kanan persekutuan ('PKP') telah mencadangkan 25 tahun sebagai jangka hayat plaintif ketiga.

[7] Saya berpendapat bahawa laporan Dr Hussain tersebut telah memberi gambaran yang lebih tepat tentang keadaan kesihatan plaintif ketiga, di mana keengganan ibu bapa plaintif ketiga (iaitu plaintif pertama dan plaintif kedua) untuk bertegas dengan plaintif ketiga akan dan telah menyebabkan usaha-usaha untuk memulih keadaan cacat plaintif ketiga menjadi tidak / kurang efektif. Oleh itu saya menerima kenyataan Dr Hussain itu. Tetapi pendapat Dr Hussain itu memberi jawapan jangka hayat yang terbaik bagi plaintif ketiga. Oleh itu saya berpendapat adalah munasabah jangka hayat plaintif ketiga adalah setakat *28 tahun sahaja* setelah mengambilkira latar

JOBNAME: No Job Name PAGE: 8 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

belakang plaintif ketiga dan keterangan SP1.

Perkiraan-perkiraan bagi perkara-perkara yang dipersetujui

[8] Maka jumlah yang layak diterima oleh plaintif ketiga adalah seperti berikut:

(a) gaji pembantu rumah:

RM500 x 12 bulan x 28 tahun (jangka hayat) =	RM168,000.

(b) kerusi roda:

RM3,500 x 28 tahun (jangka hayat) =	RM24,500.

(c) ankle foot orthosis:

RM600 x 28 tahun (jangka hayat) =	RM16,800.

(d) kerusi mandi: RM500

(e) lampin pakai buang:

RM9,200 x 25 tahun (jangka hayat 28 – 3 tahun pertama) =	RM230,000.

(f) urinary catheters:

Saya menerima hujahan PKP bahawa plaintif ketiga hanya memerlukan urinary catheters apabila beliau mencapai usia dewasa iaitu 18 tahun. RM3,000 x 20 tahun (jangka hayat 28 – 8 tahun, plaintif ketiga berumur 10 tahun pada masa ini)	= RM60,000.

(g) pengubahsuaian rumah = RM70,000

JUMLAH =	RM569,800

Kesakitan dan penderitaan

[9] Bagi butiran ganti rugi am ini, peguam plaintif-plaintif telah mencadangkan award sebanyak RM350,000 sebagai yang munasabah bagi dua kecederaan yang serius yang dialami plaintif ketiga iaitu bagi 'brain and spinal injuries' yang mengakibatkan 'quadriplegia' dan 'intellectual impairment'. Beliau telah merujuk kepada buku '*Compendium of Personal Injury Awards Revised as at 26.10.2010*' di mana diberi garis panduan bagi kecederaan 'fracture of the vertebrae causing quadriplegia' awardnya adalah antara RM250,000 dan RM350,000. Bagi kecederaan otak yang mengakibatkan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 9 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

'intellectual impairment' awardnya adalah antara RM50,000 hingga RM150,000. Lain-lain kes juga telah dirujukkan yang cenderung kepada amaun award yang tinggi, terutama sekali kes *Inderjeet Singh a/l Piara Singh v Mazlan bin Jasman & Ors* [1995] 2 MLJ 646 (MT) di mana pada tahun 1995 mahkamah telah mengawardkan RM200,000 untuk 'brain injury and partial quadriplegia, generally weak in all four extremities, had childish behaviour confined to wheel chair most of the time and required full time supervision'. Mahkamah disaran mengambilkira nilai mata wang pada masa award dibuat berdasarkan kes *Dr Yusoff b Hj Mansur v Changkat Jering Sdn Bhd & Anor* [1997] 5 MLJ 530.

[10] PKP telah hanya merujuk kepada satu kes, iaitu *Siti Rahmah Ibrahim v Marappan Nallan Koundar & Anor* [1989] 2 CLJ 481 (Rep) di mana mahkamah telah mengawardkan sebanyak RM180,000 kepada plaintif yang mengalami kecederaan 'severe head injuries with contusion of the brain and fracture of right frontal-bone of the skull with complete paralysis in all four limbs'. Plaintif dalam kes itu mengalami kecacatan quadriplegia sepenuhnya dan berada dalam 'vegetative state' dan bergantung sepenuhnya kehendak-kehendak dirinya. Memandangkan plaintif ketiga mengalami kecacatan 'low and incomplete quadriplegia', PKP berhujah award yang berpatutan, dengan mengambilkira kadar inflasi, ialah RM180,000.

[11] Setelah saya mengambilkira autoriti-autoriti yang dikemukakan itu terutama kes *Inderjeet Singh* dan *Siti Rahmah*. Saya dapati kedua-dua kes tersebut melibatkan kecederaan yang lebih teruk daripada kes plaintif ketiga ini. Mengikut SP1, plaintif ketiga mengalami *incomplete quadriplegia*. Mengikut SP2 (iaitu plaintif kedua) dan SD1, plaintif ketiga boleh duduk tanpa sokongan, boleh berdiri walaupun dengan sokongan, boleh berjalan dengan bantuan dan boleh berkomunikasi dan memahami arahan. Maka saya berpendapat bahawa amaun yang munasabah diawardkan bagi butiran ini ialah RM250,000 setelah mengambilkira nilai matawang semasa.

KOS PEMULIHAN (MASA HADAPAN)

[12] Berkenaan dengan butiran ini, saya terima hujahan PKP bahawa cadangan plaintif-plaintif agar plaintif ketiga menjalani rawatan fisioterapi dan pemulihan carakerja (occupational therapy) di rumah dengan menyenaraikan senarai panjang peralatan yang kononnya patut disediakan di rumah plaintif ketiga adalah tidak praktikal, malah bagi saya mungkin kurang berkesan. Ini ialah oleh kerana sudah terbukti berkesanan bagi plaintif ketiga meneruskan fisioterapi dan pemulihan cara kerja di hospital-hospital kerajaan yang terdekat. Di sini, keterangan SD1 dan SD2 telah menjelaskan tentang peralatan yang ada di hospital kerajaan serta tenaga pakar / anggota terlatih yang terdapat di hospital kerajaan. Tambahan pula, Dr Hussain telah

JOBNAME: No Job Name PAGE: 10 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

mendapati sikap ibu bapa plaintif ketiga itu terhadap plaintif ketiga tidak membantu plaintif ketiga dalam proses pemulihannya (lihat petikan yang telah dirujuk sebelum ini). Dr Hussain juga telah menyatakan di ikatan IDD, ms 2 di bawah tajuk 'Physical Rehabilitation':

> There is no evidence that increasing the frequency of physiotherapy and occupational therapy to daily sessions will improve outcome. There is no scientific evidence to support daily home physiotherapy or occupational therapy. The current level of care which is being provided for free is adequate for him as evidenced from his progress …

[13] Maka saya berpendapat memadai bagi plaintif ketiga terus menerima fisioterapi dan pemulihan carakerja di hospital-hospital kerajaan dan tiada tuntutan dibenarkan sebagaimana yang dituntut oleh plaintif-plaintif kecuali:

(a) kos bagi plaintif ketiga menghadiri sesi fisioterapi di Hospital Segamat sebanyak sebulan sekali. Saya terima pengiraan kos ini sebagaimana dicadangkan oleh PKP dengan kiraan jangka hayat plaintif ketiga pada 28 tahun iaitu:

1 (sekali sebulan) x 12 (bulan) x 28 (jangka hayat) x RM50 (untuk pergi dan balik dari rumah ke hospital = RM16,800.)

(b) kos plaintif ketiga menghadiri sesi pemulihan carakerja di Hospital Muar sebanyak empat bulan sekali, iaitu:

4/12 (empat bulan sekali dalam setahun) x 12 (bulan) x 15 (tahun bagi tempoh untuk Hospital Segamat dilengkapi peralatan pemulihan carakerja secukupnya) x RM120 (tambang pergi dan balik dari rumah ke Hospital Muar) = RM7,200.

(c) kos plaintif ketiga menghadiri sesi pemulihan carakerja di Hospital Segamat setelah dilengkapi dengan peralatan pemulihan carakerja secukupnya sebanyak 4 bulan sekali, iaitu:

4/12 (empat bulan sekali dalam setahun) x 12 (bulan) x 13 (tahun bagi tempoh Hospital Segamat dilengkapi dengan peralatan carakerja secukupnya) x RM50 (tambang pergi balik dari rumah ke Hospital Segamat) = RM2,600.

[14] Jumlah bagi butiran ini ialah RM26,600.

PERUBATAN

[15] Saya menerima laporan Dr Hussain di ms 2, IDD, di mana beliau telah menyatakan:

JOBNAME: No Job Name PAGE: 11 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

3.4.1 Epilepsy. This child has been fit free since 2003 and is not on any anti epilepsy medication. There is no reason to start him on any medication since he is not suffering from epilepsy presently. An abnormal EEG is not a reason for drug treatment in the absence of fits.

3.4.2 This child has a mixture of upper and lower motor findings and there is no indication for Baclofen. The loss of muscle tone from Baclofen may result in a loss of postural tone and a consequent loss of function.

3.4.3 There is no history of constipation and the report from the rehabilitation specialist states that he empties his bowels daily.

3.4.4 There is no report of him suffering nerve pain hence there is no indication for Gabapentin or similar drugs.

3.4.5 As regards drug for erectile dysfunction mentioned, the need for this is speculative given that the child is still prepubertal. He will need assessment by an urologist when he reaches adulthood.

Dengan itu saya bersetuju dengan hujahan PKP bahawa plaintif ketiga tidak memerlukan ubat untuk epilepsy, ubat Botulinium toxin, ubat Gapapentin atau ubat sejenisnya dan buat masa ini ubat untuk *erectile dysfunction*.

Keperluan pembedahan

[16] Saya menerima kenyataan Dr Hussain di ms 1, IDD, berbanding dengan keterangan yang diberi oleh SP1, apabila beliau menyatakan di bawah tajuk 'Rehabilitation needs':

This child has been registered with the welfare department. Once he has an OKU card, he is entitled to free medical and surgical consultations for life. This will also extend to inpatient care inclusive of all surgical procedures. A supporting letter from the welfare department will entitle him to First Class Wards when he reaches adulthood. All pediatric facilities in government hospitals are classless.

Dengan itu saya menolak tuntutan plaintif-plaintif di bawah butiran ini.

Stem Cell Transplant

[17] Saya juga tolak tuntutan plaintif-plaintif di bawah butiran ini. Berbanding dengan keterangan yang diberi oleh SP1, saya menerima kenyataan Dr Hussain di ms 2, IDD di mana beliau menjelaskan:

Stem cell transplantation. This is still an experimental modality for spinal cord injury. It is currently offered as a routine only bone marrow and metabolic diseases. In the case of this child the MRI images of the spine done in Pantai Medical Centre on 31/5/07 suggest evidence of a previous root avulsion with secondary atropy of the cord at the level of the avulsion. Since the primary injury is a break in the continuity of nervous system transmission from the spinal cord to the peripheral nerve, it is difficult to imagine that treating the spinal cord which has atrophied as

JOBNAME: No Job Name PAGE: 12 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

a consequence of this will benefit the child in anyway. *Hence even if stem cell therapy proves to be useful for spinal injury in the future it is unlikely to benefit this child*.

[Penekanan ditambah.]

GANTI RUGI TELADAN

[18] Saya bersetuju dengan hujahan PKP bahawa berdasarkan autoriti-autoriti yang dirujuk oleh beliau, plaintif-plaintif perlulah membuktikan bahawa wujudnya elemen penyalahgunaan kuasa oleh defendan-defendan sebelum ganti rugi teladan boleh diawardkan. Lihat *Rookes v Barnard* [1964] AC 1129, House of Lords, di mana telah diputuskan bahawa seseorang plaintif itu hendaklah menunjukkan situasi sesuatu kes itu tergolong dalam salah satu dari tiga kategori iaitu:

(a) oppressive, arbitrary or unconstitutional acts by government servants;

(b) where the defendant's conduct had been calculated by him to make a profit for himself which might well exceed the compensation payable to the plaintiff;

(c) where expressly authorised by statute.

[19] Peguamcara plaintif-plaintif telah berhujah bahawa ganti rugi teladan hendaklah diberikan kerana walaupun plaintif kedua telah meminta agar beliau dibenarkan bersalin secara pembedahan memandangkan kandungannya yang besar, namun permintaannya ditolak oleh doktor di Hospital Segamat. Kenyataan ini adalah dibuat tanpa perbicaraan penuh mengenai isu liabiliti diadakan. Ianya adalah berdasarkan pliding plaintif-plaintif. Merujuk kepada perenggan 11, pernyataan tuntutan, dinyatakan bahawa plaintif kedua telah minta agar lahir secara bedah tetapi doktor yang merawatnya telah menasihati beliau agar lahir secara normal memandangkan plaintif kedua adalah seorang diabetes dan akan berdarah berterusan jika pembedahan dilakukan. Bagi saya jika benar fakta plaintif kedua mengalami penyakit diabetes dan nasihat itu adalah benar-benar diberi, nasihat doktor itu tidaklah boleh terangkum dalam ertikata 'oppressive, arbitrary or unconstitutional acts by Government servants'. Lagipun plaintif kedua sebenarnya mempunyai pilihan sama ada untuk menerima nasihat itu atau tidak.

[20] Oleh itu saya menolak tuntutan plaintif-plaintif di bawah butiran ini sebagai yang tidak berasas.

GANTI RUGI TERUK

[21] Atas alasan yang sama di bawah butiran ganti rugi teladan saya juga

JOBNAME: No Job Name PAGE: 13 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

menolak tuntutan plaintif-plaintif di bawah butiran ini.

GANTI RUGI KHAS

[22] Adalah undang-undang mantap bahawa bagi ganti rugi khas, setiap perkara yang dituntut perlulah diplid dan dinyatakan dengan terperinci (lihat kes Mahkamah Persekutuan *Sam Wun Hoong v Kader Ibramshah* [1981] 1 MLJ 295) dan dibuktikan. Mengikut hujahan peguamcara plaintif, kedua-dua pihak telah bersetuju amaun sebanyak RM20,924.50 sebagai kos laporan-laporan perubatan. Akan tetapi mengikut PKP ganti rugi khas tidak sepatutnya dibenarkan kerana plaintif-plaintif telah gagal membuktikannya.

[23] Setelah saya menelitikan butiran-butiran yang disenaraikan oleh peguamcara plaintif-plaintif di ms 11 hujahan peguamcara plaintif-plaintif, saya membenarkan keseluruhan amaun yang dituntut sebanyak RM20,924.50, iaitu jumlah untuk butiran (a)(i)–(vi) sebagai butiran-butiran yang telah dibuktikan oleh plaintif-plaintif.

[24] Bagi butiran-butiran tambang perjalanan, plaintif-plaintif telah gagal mengemukakan apa-apa bukti mengenainya. Oleh itu saya menolak tuntutan ini.

[25] Begitu juga di bawah butiran kos jagaan, plaintif-plaintif telah gagal mengemukakan apa-apa bukti mengenainya, dan oleh itu saya menolak tuntutan ini. Saya juga perhatikan bahawa plaintif-plaintif telah menuntut kos lampin dan kos susu. Bagi saya kedua-dua butiran ini tidak seharusnya dituntut oleh plaintif-plaintif memandangkan kedua-dua butiran sudah tentu akan dibelanjakan oleh plaintif pertama dan plaintif kedua dengan kelahiran plaintif ketiga dalam keadaan sihat sekalipun. Oleh itu di bawah 'Perkara-perkara Yang Dipersetujui', saya telah membenarkan tolakan tiga tahun pertama usia plaintif ketiga daripada perkiraan jangka hayat plaintif ketiga untuk kos lampin.

KESIMPULAN

[26] Berdasarkan alasan-alasan di atas saya membenarkan kuantum seperti berikut:

Ganti rugi am

(a) butiran-butiran ganti rugi am yang dipersetujui sebanyak RM569,800 (lihat perenggan 8);

(b) kesakitan dan penderitaaan sebanyak RM250,000 (lihat perenggan 11);

JOBNAME: No Job Name PAGE: 14 SESS: 1 OUTPUT: Fri Jul 1 07:21:09 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_441

(c) kos pemulihan (masa hadapan) sebanyak RM26,600 (lihat perenggan 13);

Jumlah = RM846,400.

[27] Saya tolak tuntutan bagi ganti rugi teladan dan ganti rugi teruk.

[28] Saya membenarkan tuntutan ganti rugi khas sebanyak RM20,924.50.

[29] Saya membenarkan faedah atas amaun ganti rugi khas dan am pada kadar 8% setahun mulai tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian bayaran, dan kos sebanyak RM8,000.

Sebahagian tuntutan plaintif-plaintif dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum